

Keuntungan sebelum cukai Pharmaniaga RM24.3 juta

IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

PHARMANIAGA Bhd mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi suku kedua 2009 sebanyak RM24.3 juta meningkat 20.6 peratus berbanding RM20.2 juta pada suku pertama tahun ini.

Pencapaian itu disumbangkan oleh peningkatan pendapatan, margin keuntungan kasar lebih baik dan pengiktirafan ke atas pelupusan harta, loji dan kelengkapan.

Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai Pharmaniaga bagi separuh kedua 2009 menyusut 8.1 peratus kepada RM44.5 juta dari RM48.5 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Keuntungan perolehan bagi separuh kedua tahun ini juga menyusut 2.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2008.

Pengarah Urusannya, Mohamad Abdullah berkata, penurunan itu berpunca daripada kenaikan kos bahan mentah

menyebabkan penguncupan margin dan pembeli juga lebih konservatif dalam keadaan ekonomi ketika ini.

"Kumpulan Pharmaniaga akan memperhebatkan tumpuannya bagi menjamin peningkatan lebih baik dalam kecekapan operasi sekatan kos.

"Pelaksanaan langkah-langkah ini akan membantu mengurangkan kesan dalam persekitaran ekonomi mencabar," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, penurunan keuntungan juga disebabkan oleh beberapa jualan tender sudah tamat tarikh dan bil jualan kelengkapan perubatan lebih rendah.

"Bagaimanapun, ia diimbangi peningkatan dalam jualan sektor swasta, jualan anak syarikat Indonesia dan jualan antarabangsa," katanya.



● MOHAMAD ABDULLAH

Pharmaniaga mencatatkan pendapatan RM333.3 juta pada suku kedua tahun 2009, meningkat sebanyak 6.2 peratus berbanding suku pertama tahun ini.

Peningkatan daripada RM313.7 juta yang dicatatkan pada suku pertama itu berikutan perkembangan jualan kepada hospital kerajaan dan sumbangan jualan daripada anak syarikat Indonesia, PT Millennium Pharmacon

International Tbk.

Menurutnya, model perniagaan dikaji semula, meningkatkan keupayaan dan membuat pelaburan yang menawarkan nilai kepada pelanggan.

"Kumpulan Pharmaniaga kekal optimistik dengan berhati-hati berhubung hasil pada separuh kedua tahun ini," katanya.

Date:

August, 24 Monday 2009

Placement In Publication ;

Business - Page 18

File :

Pharmaniaga